

25/11/1999

Fadzil Noor perjudi nasib di Anak Bukit

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

PRESIDEN Pas, Datuk Fadzil Noor dikatakan memperjudikan masa depan politiknya apabila `lari' dari kubu kuat dan kawasan tradisinya di Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Raya ke DUN Anak Bukit.

Walaupun tujuan sebenarnya berbuat demikian adalah untuk memastikan Pas memperoleh seberapa banyak kerusi DUN bagi menawan Kedah, ramai yang berpendapat strategi politiknya bakal memakan diri dan menamatkan era Pas dalam persidangan DUN Kedah pada alaf baru.

Ini kerana sejak mewakili DUN Bukit Raya pada 1982 sehingga 1995, Fadzil kerap membangkitkan pelbagai isu pada setiap kali persidangan dewan.

Justeru, pemerhati meramalkan suara Fadzil tidak akan kedengaran lagi di DUN Kedah selepas pilihan raya umum ke-10 ini.

Selain itu, mungkin percubaannya untuk melangkah ke Bangunan Parlimen bagi membela rakyat dan `membetulkan' sistem pemerintahan negara akan terus tinggal harapan jika beliau turut tewas di Parlimen Pendang.

Semua persoalan itu akan ditentukan pada 29 November ini oleh 54,298 pengundi Parlimen Pendang dan 20,245 pengundi DUN Anak Bukit, khususnya penyokong Pas.

Nasib Fadzil bakal menjadi lebih buruk jika beliau turut tewas kepada Datuk Othman Abdul, di Pendang kerana walaupun dikatakan berpengaruh berikutan Bukit Raya berada dalam kawasan yang sama, kekebalan Barisan Nasional (BN) dan Othman sukar ditembusi.

Tambahan pula, pada pilihan raya 1990, Othman menang di Pendang menewaskan Fadzil dengan majoriti 3,200 undi.

Berikutan itu, bagi Pas, jika mereka mahu Fadzil terus berada dalam aliran perdana politik, petugas pilihan raya parti itu perlu bekerja keras kerana perjudian Fadzil dilihat sebagai penamat kepada politiknya.

Tambahan pula, Mohamed Taulan Mat Rasul, calon penggantinya di Bukit Raya dikatakan dipertikai ramai penyokong Pas. Selain itu, rekodnya tidak begitu baik kerana tewas kepada Othman di Pendang pada pilihan raya lalu.

Bagaimanapun, ada yang menganggap tindakan Fadzil melepaskan Bukit Raya bagi meraih simpati pengundi yang mahukan suara pembangkang terus kekal di DUN Kedah dan presiden parti perlu diberi kemenangan.

Teori mereka ialah dengan berbuat demikian Fadzil berharap memperoleh undi simpati pengundi yang bimbang jika beliau kalah. Jika pengundi berfikiran demikian, Fadzil secara automatik akan menang di Anak Bukit dan Pendang.

Ketua Dewan Pemuda Pas, mengakui teori berkenaan kerana berpendapat adalah tidak wajar rakyat mengetepikan Fadzil yang begitu berpengalaman dalam arena politik negara.

Tetapi, menurutnya, selain berusaha menambah kerusi DUN, tindakan meletakkan Fadzil di Anak Bukit dan Pendang adalah kerana keyakinan bahawa Pas mempunyai sokongan di peringkat akar umbi di kedua-dua kawasan.

Justeru, jika benar andaian pemerhati politik, BN khususnya calon Pendang dan Anak Bukit bakal menghadapi cabaran hebat bagi mempertahankan kedua-dua kerusi berkenaan.

Calon BN Anak Bukit, Datuk Abdullah Hasnan yang mengakui motif Pas perlu bekerja keras untuk sekurang-kurangnya mempertahankan 568 undi majoriti yang dimenangnya pada pilihan raya lalu.

Walaupun banyak yang meramalkan peluang adalah 50-50, beliau yakin pengundi masih berpihak kepada Umno dan BN. Baginya, tindakan Fadzil meninggalkan Bukit Raya untuk bertanding di Anak Bukit adalah kesilapan

besar.

Sebaliknya, menurut Abdullah Hasnan, keyakinan terlalu tinggi Presiden Pas yang menganggap Bukit Raya `kawasan selamat' bagi Pas dan berpindah ke Anak Bukit akan memakan dirinya.

"Beliau beralih ke Anak Bukit kerana melihat majoriti undi saya (dalam pilihan raya lalu) hanya 568. Beliau yakin Bukit Raya selamat lalu ingin menambah kerusi Pas dengan bertanding di Anak Bukit.

"Bagaimanapun, saya juga yakin Fadzil akan tumbang kerana beliau bukan berjuang untuk rakyat tetapi parti. Beliau sentiasa sibuk...lihat Bukit Raya, tidak ada apa yang dibuatnya.

"Selama empat setengah tahun menjadi wakil rakyat di Anak Bukit, saya percaya pengundi dapat melihat perubahan, terutama dari segi kemudahan awam dan pembangunan kerana saya sentiasa hampir dengan mereka. Bukannya seperti Fadzil, hari ini di sini, esok entah di mana," katanya.

Abdullah Hasnan yang juga Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Kedah, berharap pengundi di Anak Bukit memberinya peluang untuk kesinambungan pembangunan di kawasan itu.

"Banyak lagi yang ingin saya lakukan di Anak Bukit dan percaya Fadzil tidak mempunyai perasaan yang sama, sebaliknya hanya ingin menambah kerusi DUN Pas," katanya.

"Rekod BN adalah jelas dan pengundi pasti tidak mahu memperjudikan masa depan mereka dengan memberi kemenangan kepada pembangkang," kata Othman.

Katanya, pengundi semakin matang dan pasti membuat pilihan tepat mengundi BN, khususnya akibat pelbagai isu yang ditimbulkan pembangkang tidak diterima oleh rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika diminta pandangannya mengenai pertandingan di Pendang berkata, BN akan memenangi kawasan berkenaan walaupun Pas cuba menggugat.

Selain itu, katanya, sikap penyokong Pas mengoyakkan poster BN tidak disukai oleh rakyat dan mereka pasti akan terus menyokong BN.

Beliau juga berkata, masalah kekecewaan penyokong calon yang digugur hanya berlaku sehari dua selepas penamaan calon dan selepas itu mereka bersatu semula bagi memastikan kemenangan BN.

(END)